

Rujukan: UKM3.2.8/244/13

Tarikh: 21 Disember 2011

Dekan

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB)

Pengarah

- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
- Institut Kajian Oksidental (IKON)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)

- Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM)
- Institut Kajian Perubahan Iklim (IKP)
- Institut Informatik Visual
- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS)
- Pusat Permata Pintar Negara
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita (PKW)

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof.,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) FASA 1/2012

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membuka permohonan geran penyelidikan bagi menjalankan projek-projek penyelidikan fundamental di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2012 kepada para penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mulai **22 Disember 2011 hingga 22 Februari 2012**.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof., Kementerian akan memberi pertimbangan kepada permohonan projek-projek FRGS Fasa 1/2012 berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- i) Kertas cadangan projek penyelidikan yang menepati kriteria penyelidikan fundamental, mantap dan lengkap mengikut **Garis Panduan FRGS**.
- ii) Kos projek penyelidikan yang dipohon tidak boleh melebihi RM250,000.00 dengan tempoh penyelidikan **maksimum sehingga tiga (3) tahun sahaja**.
- iii) Setiap Ketua Penyelidik hanya boleh mengemukakan **satu (1) permohonan** sahaja bagi Fasa 1/2012.
- iv) Setiap projek penyelidikan perlu mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) orang penyelidik termasuk Ketua Penyelidik**.
- v) Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.

- vi) Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
4. Bagi tujuan penghantaran borang ke CRIM, pihak Pengurusan Penyelidikan di F/I/P perlu merujuk kepada **Garis Panduan Pengendalian Borang FRGS untuk Fakulti/Institut/Pusat (Pindaan 1/2011)** dan memastikan perkara-perkara berikut dikemukakan kepada CRIM selewat-lewatnya pada **14 Februari 2012 (Selasa)** sebelum jam **4.00 petang**:-
- i) Dua (2) salinan borang permohonan;
 - ii) Satu (1) salinan Borang Penilaian Permohonan FRGS peringkat F/I/P (dikepilkhan di atas borang permohonan); dan
 - iii) Lampiran B – Format Senarai Keseluruhan Permohonan FRGS Fasa 1/2012 (dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*).
5. Bersama-sama ini disampaikan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof.:-
- i) Jadual Kerja Permohonan Geran FRGS (Lampiran 1).
 - ii) Garis Panduan Pengendalian Borang FRGS untuk Fakulti/Institut/Pusat (Pindaan 1/2011).
 - iii) Borang Penilaian Permohonan FRGS.
 - iv) Borang Senarai Semak Permohonan Penyelidikan
 - v) Format Senarai Keseluruhan Permohonan FRGS Fasa 1/2012 (Lampiran B).
6. Sehubungan ini, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof. adalah dipohon untuk memaklumkan pembukaan permohonan FRGS Fasa 1/2012 kepada semua penyelidik di F/I/P masing-masing. **Borang Permohonan FRGS Pindaan 1/2011** dan **Garis Panduan FRGS yang terkini** boleh dimuat turun mulai 22 Disember 2011 melalui laman web Jabatan Pengajian Tinggi (<http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php>). Bagi tujuan pertanyaan sila hubungi Puan Siti Noraida binti Sood di talian 03-8921 5631. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof. dalam perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

t.t.

PROF. DR. CHE HASSAN CHE HARON
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi

s.k.

- Y.Bhg. Tan Sri Naib Canselor UKM
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor UKM
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Fail edaran

Berlampir: